



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# MANUAL PENGGUNA eSPKWS

The screenshot shows the user interface of the eSPKWS system. At the top, there is a banner with the text 'MESYUARAT GUNG PI BG' and 'Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah eSPKWS'. Below the banner, there is a navigation bar with the date 'Selasa, 30 September 2014 17:59 PM'. The main content area is divided into two columns. The left column contains a 'Login' section with fields for 'ID Pengguna' and 'Kata Laluan', and a 'Download' section with icons for 'Java' and 'Get Adobe Reader'. The right column contains an 'INFO PENTING TATACARA PERAKAUNAN KUMPULAN WANG SEKOLAH' section with a 'PENGHANTARAN ADUAN' notice and a 'PERATURAN - PERATURAN PENDIDIKAN (AKAUN DAN AUDIT) 2002' section. At the bottom, there is a footer with copyright information and a disclaimer.

**Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah eSPKWS**

Selasa, 30 September 2014 17:59 PM

**Login**

ID Pengguna

Kata Laluan

Masuk Semula

**Download**

Java Get Adobe Reader

**INFO PENTING TATACARA PERAKAUNAN KUMPULAN WANG SEKOLAH**

**Penghantaran Aduan** **BARU**

Semua aduan/masalah WAJIB dihantar melalui email rasmi [espkwa@moe.gov.my](mailto:espkwa@moe.gov.my). Hanya aduan/masalah yang dihantar melalui email sahaja yang akan diambil tindakan. Contoh pengisian aduan pengguna adalah seperti berikut: **Aduan Pengguna**

**PERATURAN - PERATURAN PENDIDIKAN (AKAUN DAN AUDIT) 2002**

**PERKARA 13 - PEMATUHAN TATACARA PENGURUSAN KEWAJANGAN DAN PERAKAUNAN** **BARU**

Sebarang yang melanggar Peraturan - Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua - duanya.

**MAKLUMAT PENTING**

Notis Hak Cipta Terpelihara © 2012 Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penafian:  
Pengguna aplikasi web bertanggungjawab ke atas ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan serta dalam merahsiakan identiti pengguna. Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa - apa kehilangan dan kerugian yang disebabkan oleh kealasan pengguna sendiri.

BAHAGIAN AKAUN

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.	PENDAHULUAN	i
2.	STRATEGI PELAKSANAAN	ii
3.	MODUL PERMULAAN	
	PK01 PROSES KUNCI MASUK DATA AWAL eSPKWS	1-2
	AK01/01 PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN	3-7
	AK02/01 PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT SEKOLAH	8-9
	AK03/01 PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK SEKOLAH	10-12
	AK04/01 PROSES MEMILIH PERIHAL	13-14
	AK05/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT BAKI	15-17
	AK06/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENERIMAAN & PEMBAYARAN	18-20
	AK07/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN	21-23
	AK08/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA	24-35
	AK09/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENYESUAIAN BANK	36-45
	AK10/01 PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUMPULAN WANG TERKUMPUL	46-47
4.	MODUL TERIMAAN	
	PK02 PROSES TERIMAAN	48-50
	AK01/02 PROSES MENDAFTAR NOMBOR RESIT	51-52
	AK02/02 PROSES MEREKOD TERIMAAN TUNAI / CEK / WANG POS / BANK DERAJAT / KIRIMAN WANG	53-55
	AK03/02 PROSES MEREKOD TERIMAAN AKAUN BELUM TERIMA	56-57
	AK04/02 PROSES MEREKOD TERIMAAN YANG BARU DIKENALPASTI	58-59
	AK05/02 PROSES MEREKOD TERIMAAN CEK BATAL	60-61
	AK06/02 PROSES MENYEMAK SENARAI TERIMAAN	62-64
	AK07/02 PROSES MENGEMASKINI STATUS BANK	65-69
	AK08/02 PROSES MENCETAK RESIT	70-71
	AK09/02 PROSES MEMBATALKAN RESIT	72-73
	AK10/02 PROSES MENYEMAK SENARAI TERIMAAN BATAL	74-75
	AK11/02 PROSES MENYEMAK SENARAI CEK BATAL	76-77
	AK12/02 PROSES MENYEMAK DAN MENCETAK BUKU TUNAI TERIMAAN	78-79
	AK13/02 PROSES MENYEMAK AKAUN SUBSIDIARI	80-81
5.	MODUL DAFTAR BIL	
	PK03 PROSES DAFTAR BIL	82-83
	AK01/03 PROSES MENDAFTAR BIL	84-87
	AK02/03 PROSES MENYEMAK SENARAI PEMBEKAL	88

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT	
	AK03/03	PROSES MENYEMAK SENARAI DAFTAR BIL	89-90
	AK04/03	PROSES MENYEMAK SENARAI BIL BATAL	91-92
	AK05/03	PROSES MENYEMAK LAPORAN DAFTAR BIL	93-94
	AK06/03	PROSES MENYEMAK LAPORAN BIL BELUM BAYAR	95-96
	AK07/03	PROSES MEMBUAT PENGESAHAN LAPORAN DAFTAR BIL	97-98
6.	MODUL BAYARAN		
	PK04	PROSES BAYARAN	99-100
	AK01/04	PROSES DAFTAR, BATAL DAN TUTUP NOMBOR BAUCAR	101-102
	AK02/04	PROSES DAFTAR DAN BATAL BUKU CEK	103-104
	AK03/04	PROSES MEMBUAT BAYARAN	105-107
	AK04/04	PROSES MENYEMAK SENARAI BAYARAN DAN MEMBUAT PENGEMASKINIAN BAUCAR BAYARAN	108-110
	AK05/04	PROSES MENCETAK BAUCAR BAYARAN	111-112
	AK06/04	PROSES MEMBATALKAN PEMBAYARAN	113-114
	AK07/04	PROSES PENGEMASKINIAN STATUS BANK BAYARAN	115-116
	AK08/04	PROSES MENYEMAK SENARAI BAYARAN BATAL	117-118
	AK09/04	PROSES PENDAFTARAN CEK ROSAK	119-120
	AK10/04	PROSES MENYEMAK SENARAI CEK ROSAK	121-122
	AK11/04	PROSES MENYEMAK DAN MENCETAK BUKU TUNAI BAYARAN	123-125
7.	MODUL PANJAR WANG RUNCIT (PWR)		
	PK05	PROSES PENGENDALIAN PANJAR WANG RUNCIT	126-131
	AK01/05	PROSES PENGWUJUDAN DAN PENAMBAHAN DANA PWR	132-135
	AK02/05	PROSES BAYARAN PWR	136-138
	AK03/05	PROSES REKUPMEN PWR	139-140
	AK04/05	PROSES PENUTUPAN BUKU TUNAI PWR	141-142
	AK05/05	PROSES MENCETAK BUKU TUNAI PWR	143-144
	AK06/05	PROSES PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PWR	145-146
	AK07/05	PROSES PENGESAHAN SIJIL PERAKUAN PWR	147-148
8.	MODUL PINDAH PERUNTUKAN		
	PK06	PROSES PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN	149-150
	AK01/06	PROSES PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN ANTARA KUMPULAN MATA PELAJARAN	151-153
	AK02/06	PROSES PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN ANTARA BUTIRAN BANTUAN PERKAPITA (PCG)	154-156
	AK03/06	PROSES PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN ANTARA KUMPULAN WANG SEKOLAH	157-160
	AK04/06	PROSES MENGEMASKINI STATUS PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN	161-164
	AK05/06	PROSES MENYEMAK STATUS PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN	165-166

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
9.	MODUL PELARASAN	
	PK07 PROSES PELARASAN – PELARASAN LAJUR	167-168
	AK01/07 PROSES PERMOHONAN PELARASAN LAJUR	169-170
	AK02/07 PROSES MENYEMAK STATU PERMOHONAN PELARASAN LAJUR	171-172
	AK03/07 PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PELARASAN LAJUR	173-175
10.	MODUL PENUTUPAN	
	PK08 PROSES PENUTUPAN BULAN	176-177
	AK01/08 PROSES PENUTUPAN BULANAN	178-180
11.	MODUL PENYATA PENYESUAIAN BANK	
	PK09 PROSES PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BANK	181-182
	AK01/09 PROSES PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BANK	183-191
	AK02/09 PROSES MENYEMAK DAN MENGESAHKAN PENYATA PENYESUAIAN BANK	192-193
	AK03/09 PROSES MENCETAK PENYATA PENYESUAIAN BANK	194
12.	MODUL ABT/ABB	
	PK10 PROSES ISYTIHAR AKAUN BELUM TERIMA DAN AKAUN BELUM BAYAR	195-196
	AK01/10 PROSES ISYTIHAR AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	197-198
	AK02/10 PROSES ISYTIHAR AKAUN BELUM BAYAR (ABB)	199
13.	MODUL DEPOSIT	
	PK11 PROSES MENYEMAK DEPOSIT DIBAYAR/DITERIMA	200-201
	AK01/11 PROSES MENYEMAK DEPOSIT DIBAYAR/DITERIMA	202-203
14.	MODUL LAPORAN	
	PK12 PROSES MENCETAK PENYATA KEWANGAN TAHUNAN SEKOLAH	204-205
	AK01/12 PROSES MENCETAK PENYATA KEWANGAN TAHUNAN SEKOLAH	206-212
	AK02/12 PROSES MENYEMAK DAN MENCETAK AKAUN SUBSIDIARI	213-214

# PENDAHULUAN

## 1.0 PENGENALAN

### TUJUAN

Panduan Pengguna Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (e-SPKWS) ini merupakan versi ke-2 yang dikeluarkan selepas versi pertama pada tahun 2011. Panduan Pengguna ini disediakan khas bagi kegunaan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja bagi mendapatkan panduan dalam menggunakan eSPKWS secara lebih efektif.

Ia mengandungi panduan lengkap beserta skrin antaramuka sebenar e-SPKWS bagi memberi penjelasan yang lebih mudah difahami dan diaplikasi oleh pengguna dan telah mengambil kira pindaan-pindaan serta perubahan-perubahan terkini yang telah dilakukan terhadap eSPKWS dan akan berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan selaras dengan perubahan sistem.

Panduan Pengguna ini perlu dirujuk dalam melaksanakan tugas perakaunan harian di eSPKWS. Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah dan peraturan kewangan/perakaunan yang berkuatkuasa.

Semoga panduan pengguna ini dapat membantu pengguna untuk mengurus dan menyelenggara data-data perakaunan Kumpulan Wang Sekolah melalui e-SPKWS dengan lebih berkesan.

## LATAR BELAKANG

e-SPKWS adalah sistem perakaunan berkomputer yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyelenggara perakaunan kumpulan wang sekolah secara berelektronik. Sistem ini dibangunkan bagi tujuan menyimpan data-data perakaunan Kumpulan Wang Sekolah secara lebih efisien dan efektif.

### Skop

- i. Pengumpulan maklumat transaksi terimaan dan transaksi bayaran di sekolah
- ii. Penghasilan laporan bagi maklumat-maklumat penting kepada pihak yang berkepentingan.

### Objektif

e-SPKWS dibangunkan bagi memenuhi objektif seperti berikut :

- i. Mengurangkan kerja pembantu tadbir di sekolah-sekolah khususnya. Proses kerja yang lebih mudah, cepat dan efisien melalui sistem berkomputer ini pastinya akan menjadi pemangkin kepada peningkatan komitmen dan motivasi pegawai kewangan dalam melaksanakan tugas-tugas kewangan.
- ii. Penyediaan resit dan baucar terus dari sistem akan dapat meningkatkan lagi kawalan dalaman Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah.
- iii. Penyata kewangan tahunan sekolah yang terdiri daripada laporan-laporan seperti Kunci Kira-kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran terus dapat dijana secara elektronik.

Pemantauan secara *online* dapat dilakukan terus daripada Bahagian Akaun dan juga ketua PTJ yang lain. Malahan, Bahagian Audit Sekolah juga diberi autoriti untuk melakukan pemantauan ke atas sekolah-sekolah melalui *online*.

## KETERANGAN MODUL

Terdapat 15 modul utama dalam e-SPKWS:

BIL	MODUL	PENERANGAN
1.	Modul Pentadbir Sistem	Modul ini menyelenggara pengurusan sistem yang berkaitan dengan maklumat pengguna sistem dan maklumat perihal kumpulan wang sekolah. Pengguna selain daripada Pentadbir Sistem tidak dibenarkan masuk ke modul ini.
2.	Modul Carian	Modul ini membantu pengguna memudahkan carian untuk pilihan nama sekolah dan jenis kumpulan wang sebelum memulakan sebarang capaian dalam sistem ini.
3.	Modul Permulaan	Modul ini digunakan bagi kemasukan data permulaan sebelum memasukkan sebarang data-data tahun semasa ( <i>tahun pertama menggunakan e-SPKWS sahaja</i> ).
4.	Modul Terimaan	Modul ini menguruskan transaksi terimaan bermula daripada pengeluaran Resit Pejabat sehingga kepada perekodan terimaan di buku tunai kumpulan wang sekolah. Urusan percetakan resit pejabat juga boleh dibuat dalam modul ini.
5.	Modul Daftar Bil	Modul ini digunakan untuk mendaftarkan semua bil dan tuntutan yang diterima oleh sekolah. Ia juga dapat membantu sekolah untuk menganalisa bil atau tuntutan yang belum dijelaskan dalam tempoh 14 hari dan mengawal Akaun Belum Bayar bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember.
6.	Modul Bayaran	Modul ini menguruskan transaksi bayaran bermula daripada penyediaan baucar sehingga kepada perekodan di buku tunai kumpulan wang sekolah yang berkaitan. Urusan percetakan baucar bayaran juga boleh dibuat dalam modul ini.
7.	Modul Deposit	Modul ini diwujudkan bagi menyenaraikan Deposit Dibayar dan Deposit Diterima bagi kemudahan semakan pihak sekolah.

BIL	MODUL	PENERANGAN
8.	Modul Panjar Wang Runcit	Modul ini dapat membantu sekolah menyelenggara akaun Panjar Wang Runcit bermula dari urusan perekodan permulaan atau penambahan amaun Panjar, rekupmen dan seterusnya perekodan dalam buku tunai Panjar Wang Runcit.
9.	Modul Pindah Peruntukan	Modul ini akan membantu sekolah untuk menyediakan permohonan pindah peruntukan. Semua catatan pelarasan dan keperluan perekodan berkaitan pindah peruntukan akan terus dijana melalui sistem.
10.	Modul Penutupan	Modul ini hanya boleh diakses oleh Pengurus Sekolah sahaja untuk membuat pengesahan. Selepas pengesahan dibuat ke atas ketepatan dan kebenaran amaun yang masukkan oleh Pembantu Tadbir, segala terimaan dan bayaran tidak boleh dikuncimasuk dalam bulan semasa lagi bagi mengelakkan sebarang penyelewengan.
11.	Modul Penyesuaian Bank	Modul ini akan membantu pihak sekolah bagi menyesuaikan baki di Buku Tunai dengan Baki di Penyata Bank. Ia perlu disediakan bagi setiap akaun kumpulan wang yang diselenggara. Ini bertujuan untuk memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam buku tunai serta ia dapat menentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam akaun semasa di bank.
12.	Modul ABT/ABB	Modul ini diwujudkan bagi memudahkan sekolah untuk menyediakan Penyata Akaun Tahunan Sekolah pada tempoh perakaunan tersebut. Sistem akan membantu sekolah untuk mengiktiraf ABT/ABB pada akhir tahun dengan memasukkan butiran maklumat ABT dan menyemak maklumat ABB dalam modul ini.
13.	Modul Laporan	Modul ini memaparkan senarai laporan yang boleh dijana melalui sistem iaitu : 1. Penyata Penerimaan dan Pembayaran 2. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 3. Kunci Kira-kira 4. Nota Kepada Akaun



BIL	MODUL	PENERANGAN
		5. Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit 6. Akaun Subsidiari
14.	Modul Pelarasan	Modul ini membantu pengguna untuk membuat pelarasan akaun lajur serta pelarasan bagi tujuan pengauditan.
15.	Modul Laporan Eksekutif	Modul ini memaparkan senarai laporan yang diperlukan oleh Pentadbir Sistem serta Pengurusan KPM.

### KATEGORI PENGGUNA

Terdapat tiga (3) kategori pengguna e-SPKWS seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Bil.	Kategori	Tahap Capaian
1.	Pentadbir Sistem	Memiliki tahap capaian sepenuhnya bagi mengubahsuai sistem, mencapai dan mengemaskini data. Pentadbir juga bertanggungjawab menyelesaikan masalah teknikal yang dihadapi oleh pengguna sistem.
2.	Pengurusan	Boleh mengakses maklumat dan menyemak laporan sahaja.
3.	Operasi - Pengurus Sekolah - Pembantu Tadbir	- Pengesahan maklumat dan laporan yang dimasukkan. - Dibenarkan mengubahsuai data dan mencapai laporan sahaja.

## KEPERLUAN SISTEM

### Perkakasan :

- i. Keperluan minimum Pentium II ++
- ii. Tetikus.
- iii. Papan kekunci.
- iv. Rangkaian internet.
- v. Kad rangkaian dan alat-alat rangkaian yang lain.
- vi. Pencetak

### Perisian :

- i. Internet Explorer 5.5 ke atas.
- ii. Windows 98 ke atas.
- iii. Skrin resolusi 1024 x 768
- iv. Java Runtime Environment
- v. Adobe Reader

### Pemasangan sistem

e-SPKWS merupakan sistem berasaskan web dan memerlukan pelayar web **Internet Explorer**. Alamat URL bagi e-SPKWS ialah **<http://apps3.moe.gov.my/spkwslive>**

## CIRI-CIRI APLIKASI

### ➤ Ciri-ciri keselamatan

e-SPKWS dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang terjamin. Antara fungsi keselamatan dalam e-SPKWS adalah:

- Nama Pengguna dan Kata Laluan
- Data disimpan secara automatik di *server* KPM.
- Sesi ditamatkan secara automatik sekiranya sistem tidak aktif.

➤ **Keselamatan katalaluan**

Untuk mencapai e-SPKWS, pengguna perlu memasukkan kata laluan terlebih dahulu. Sekiranya individu tidak memiliki ID pengguna dan kata laluan yang didaftarkan, akses adalah tidak dibenarkan.

➤ **Keselamatan sesi**

Sekiranya sistem tidak aktif dalam masa lebih dari 15 minit, pengguna akan dilog keluar secara automatik. Pengguna perlu log semula untuk mencapai sistem.

➤ **Panduan keselamatan**

Untuk memastikan keselamatan data-data yang disimpan di dalam e-SPKWS adalah terjamin, pengguna perlu mematuhi panduan keselamatan yang tertentu selain dari ciri-ciri keselamatan yang sedia ada dalam e-SPKWS.

Antara perkara yang perlu dipatuhi adalah:

- i. Gunakan kata laluan yang tidak mudah diteka dan elakkan daripada mempunyai ID pengguna dan kata laluan yang sama.
- ii. Rahsiakan kata laluan daripada pihak lain.
- iii. Pastikan log keluar daripada sistem apabila tidak menggunakan sistem.

## **SKOP PANDUAN PENGGUNA eSPKWS**

Secara amnya, Panduan Pengguna eSPKWS mengandungi **Prosedur Kerja (PK)** dan **Arahan Kerja (AK)** yang perlu diikuti oleh setiap peringkat pengguna di sekolah yang terlibat dalam perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (KWS). Bagaimanapun, tatacara kewangan dan perakaunan KWS tidak disentuh secara terperinci dan pengguna perlu merujuk dan mematuhi peraturan kewangan dan perakaunan semasa yang berkuatkuasa.

## **PENGEMASKINIAN PANDUAN**

Panduan ini disediakan dan dikemaskini oleh Unit Pengurusan Sistem, Seksyen Akaun Sekolah, Bahagian Akaun dari masa ke semasa.

Sebarang cadangan pindaan panduan boleh disalurkan ke:

Ketua Seksyen  
Seksyen Akaun Sekolah,  
Bahagian Akaun  
Kementerian Pendidikan Malaysia,  
Aras 10, Blok E12, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya.

## **BANTUAN eSPKWS**

Sekiranya pengguna menghadapi masalah atau pertanyaan berkenaan eSPKWS, sila hubungi **helpdesk** eSPKWS di alamat emel [espkws@moe.gov.my](mailto:espkws@moe.gov.my)

## **TARIKH KUATKUASA**

Panduan Pengguna eSPKWS ini hendaklah digunapakai mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

## **2.0 PROSEDUR PERMOHONAN CAPAIAN PENGGUNA**

### **Pendahuluan**

Setiap pengguna perlu mempunyai capaian ID sebelum menggunakan sistem. ID bagi setiap pengguna adalah unik dan berbeza mengikut capaian yang dibenarkan ke atas sistem. Setiap pengguna perlu memastikan keselamatan ID masing-masing dengan tidak mendedahkan ID tersebut kepada pegawai yang tidak berkenaan.

Sekiranya berlaku pertukaran tempat bertugas, pengguna perlu memaklumkan kepada Pentadbir Sistem bagi tujuan pengemaskinian. Pengguna boleh menggunakan ID yang sama dengan maklumat tempat bertugas yang baru tanpa perlu memohon capaian ID yang baru setelah perubahan tersebut dikemaskini.


### **Borang Permohonan**

Setiap permohonan/pertukaran ID perlu menggunakan Borang Permohonan Capaian ID yang boleh dimuat turun di laman utama eSPKWS.

## Proses Permohonan

BIL	PROSES	TINDAKAN
1.	Pengurus Sekolah mengenalpasti dan melantik pegawai yang akan menjalankan tugas kewangan dan perakaunan bagi setiap kumpulan wang.	Pengurus Sekolah
2.	Pengguna mengisi Borang Permohonan Capaian ID dan sertakan salinan kad pengenalan.	Pengguna
3.	Pegawai yang diberi kuasa menyemak dan memperaku borang permohonan. Borang Penyedia – Pengurus Sekolah Borang Pelulus - Pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah/Ketua PTJ	Pengurus Sekolah / Pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah/ Ketua PTJ
4.	Permohonan yang lengkap dikemukakan kepada Pentadbir Sistem untuk diproses	Pengguna
5.	Semak dan proses Permohonan Capaian ID pengguna.	Pentadbir Sistem
6.	Agihkan ID yang siap diproses kepada pengguna	Pentadbir Sistem

**Carta Alir Proses Permohonan**



1. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemegang ID untuk memastikan ID mereka tidak digunakan oleh orang lain.
2. Setiap Kumpulan Wang perlu dikendalikan oleh seorang pegawai sahaja. Walaubagaimanapun, seorang pegawai dibenarkan untuk mengendalikan lebih daripada satu Kumpulan Wang.
3. Borang permohonan bagi pegawai penyemak/peranan audit perlu diperaku oleh Ketua Jabatan masing-masing.
4. Sekiranya Pengurus Sekolah tiada untuk satu tempoh masa yang panjang, pegawai yang diberi kuasa menjalankan tugas Pengurus Sekolah dibenarkan untuk memegang ID PELULUS. Pihak sekolah perlu menghantar Borang Permohonan Capaian ID beserta salinan kad pengenalan dan surat tanggung kerja yang dikeluarkan oleh Ketua PTJ masing-masing kepada Pentadbir Sistem untuk proses capaian ID.



### **3.0 PROSEDUR PERMOHONAN TAMBAH PERIHAL**

#### **Pendahuluan**

Senarai Perihal yang dipilih merupakan Akaun Subsidiari yang perlu dibuka bagi mengakaunkan urusanniaga setiap peruntukan yang diterima oleh sekolah. eSPKWS telah menyediakan senarai perihal am bagi setiap Kumpulan Wang mengikut jenis sekolah. Walaubagaimanapun, pengguna boleh memohon pertambahan perihal jika perlu.


#### **Borang Permohonan**

Setiap permohonan ID perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Perihal yang boleh dimuat turun di laman utama eSPKWS.

## Proses Permohonan

<b>BIL</b>	<b>PROSES</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.	Pengguna mengenalpasti perihal bagi peruntukan yang diterima berdasarkan Senarai Perihal. Pengguna dibenarkan memohon penambahan perihal jika perlu.	Pengguna
2.	Pengguna mengisi Borang Permohonan Tambah Perihal dan sertakan justifikasi permohonan	Pengguna
3.	Permohonan yang lengkap dikemukakan kepada Pentadbir Sistem untuk diproses	Pengguna
4.	Semak keperluan penambahan perihal.	Pentadbir Sistem
5.	Wujud perihal baru (jika perlu) atau cadang perihal sedia ada yang bersesuaian.	Pentadbir Sistem

**Carta Alir Proses Permohonan**



## STRATEGI PELAKSANAAN


### MEMULAKAN APLIKASI

#### ➤ Panduan Pengguna


- i. Anda dinasihatkan menggunakan pelayar internet **Microsoft Internet Explorer versi 5.5** ke atas. Aplikasi ini dibangunkan dan diuji sepenuhnya menggunakan pelayar internet berkenaan.
- ii. Sekiranya tiada apa - apa yang berlaku setelah anda menggunakan pelayar internet yang dicadangkan seperti skrin log masuk ke aplikasi e-SPKWS tidak dipaparkan, semak penghalang popup pada pelayar internet anda.

#### ➤ Menentukan paparan skrin.


- i. Klik kanan di skrin
- ii. Pilih Properties



- iii. Pilih tab Settings



- iv. Tukar paparan skrin kepada 1024 x 768 pixel



- v. Klik butang **Apply** dan kemudian klik butang **OK**.

➤ **Menghalang *Pop-Up Window*.**


- i. Buka web browser Internet Explorer.



- ii. Taip alamat <http://apps3.moe.gov.my/spkwslive>

- iii. Tekan Enter.

- iv. Klik pada ikon "blocked". Seterusnya pilih "Always allow pop-ups from [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)"



## MIGRASI DATA MANUAL

Sebelum melaksanakan eSPKWS, pengguna perlu memindahkan maklumat akaun yang telah disediakan secara manual bagi setiap Kumpulan Wang. Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk rujukan adalah:

- i. Penyata Penerimaan dan Pembayaran
- ii. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- iii. Kunci Kira-kira
- iv. Sijil Akhir Panjar Wang Runcit
- v. Penyata Penyesuaian Bank (bulan sebelum pelaksanaan)
- vi. Akaun Subsidiari
- vii. Salinan Kertas Kerja PATSKOM

Maklumat-maklumat tersebut perlu dikunci masuk dengan tepat dan disahkan oleh Pelulus sebelum memulakan urusan terkini melalui eSPKWS.

## PROSEDUR KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK DATA AWAL eSPKWS		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS - PK01	MUKA SURAT : 1/2	
KELUARAN:	PINDAAN:	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk menyediakan maklumat awal eSPKWS pada tahun pertama pelaksanaan sistem.

### 2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai untuk menyediakan maklumat asas eSPKWS termasuk baki awal buku tunai serta maklumat penyata akaun tahunan bagi tahun sebelum pelaksanaan sistem. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Maklumat lengkap sekolah
- Maklumat akaun bank bagi setiap kumpulan wang
- Maklumat akaun subsidiari
- Maklumat baki awal buku tunai
- Maklumat Penyata Kewangan Tahunan bagi tahun sebelum pelaksanaan eSPKWS
- Maklumat Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan sebelum pelaksanaan eSPKWS

## PROSEDUR KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK DATA AWAL eSPKWS		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS - PK01	MUKA SURAT : 2/2	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 2.0 TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bil	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
1.	Pastikan ID dan kata laluan Penyedia dan Pelulus telah diperolehi.	Penyedia	<pre> graph TD     Mula([Mula]) --&gt; Step1[Terima ID dan Kata laluan Penyedia dan Pelulus]     Step1 --&gt; Step2[Kemaskini maklumat sekolah dan tahun mula guna sistem]     Step2 --&gt; Step3[Kuncimasuk maklumat akaun bank]     Step3 --&gt; Step4[Pilih perihal/akaun subsidiari]     Step4 --&gt; Step5[Kuncimasuk maklumat baki]     Step5 --&gt; Step6[Kunci masuk maklumat Penyata Akaun Tahunan]     Step6 --&gt; Step7[Sahkan maklumat sekolah, maklumat bank dan maklumat penyata akaun tahunan]     Step7 --&gt; Step8[Kunci masuk maklumat Penvata Penyesuaian Bank]     Step8 --&gt; Step9[Sahkan Penyata Penyesuaian Bank]     Step9 --&gt; Tamat([Tamat])                     </pre>
2.	Kemaskini maklumat sekolah (alamat, nombor telefon, nombor faks dan emel) serta kunci masuk tahun mula guna sistem.	Penyedia	
3.	Kunci masuk maklumat akaun bank.	Penyedia	
4.	Pilih perihal/akaun subsidiari yang berkaitan	Penyedia	
5.	Kunci masuk maklumat baki awal buku tunai.	Penyedia	
6.	Kunci masuk maklumat Penyata Akaun Tahunan.	Penyedia	
7.	Mengesahkan maklumat yang telah dikunci masuk dan dikemaskini.	Pengurus Sekolah	
8.	Mengunci masuk maklumat Penyata Penyesuaian Bank berdasarkan tarikh terima Penyata Bank	Penyedia	
9.	Mengesahkan Penyata Penyesuaian Bank	Pengurus Sekolah	



## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK01/01	MUKA SURAT : 1/5	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk daftar masuk eSPKWS serta proses mengemaskini maklumat pengguna dan kata laluan.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Buka web browser Internet Explorer.



2.2 Taip alamat <http://apps3.moe.gov.my/spkws/live> dan tekan enter

2.3 Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan.




The screenshot shows the login page for the 'Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah eSPKWS'. The page features a header with the system name and the Malaysian coat of arms. Below the header is a 'Login' section with input fields for 'ID Pengguna' (containing 'K\_WBA2001') and 'Kata Laluan' (masked with dots). There are 'Masuk' and 'Semula' buttons. To the right, there is an 'INFO PENTING TATACARA PERAKAUNAN KUMPULAN WANG SEKOLAH' section containing a notice about the implementation of KSSR Tahap II in 2014, mentioning a 'BARU' (new) update. Below the login section, there is a 'Download' section with icons for Java and Adobe Reader.


## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK01/01	MUKA SURAT : 2/5	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.4 Jika ID Pengguna dan Kata Laluan adalah betul, skrin berikut akan dipaparkan:



- 2.5 Jika ID Pengguna atau Kata Laluan adalah salah, mesej berikut akan dipaparkan:



## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK01/01	MUKA SURAT : 3/5	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.6 Klik Profil Pengguna untuk mengemaskini maklumat pengguna dan menukar kata laluan.



- 2.7 Klik **Tukar Kata Laluan** untuk mengemaskini kata laluan.

Profil Pengguna	
Nama	: AISYA HUMAIRAH
No.Kad Pengenalan	: 851103055158 * Format : 780629085436
Bahagian	: BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN (500000)
JPN	: WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPA1001)
PPD	: -
Sekolah	: SK BEBULOH (WBA1001)
<input type="button" value="Kemaskini"/> <input type="button" value="Tukar Kata Laluan"/>	

- 2.8 Kunci masuk kata laluan yang lama dan cadangan kata laluan yang baru dan tekan butang **Kemaskini**.

Tukar Kata Laluan	
Kata Laluan	: <input type="text"/>
Kata Laluan Baru	: <input type="text"/>
Pengesahan Kata Laluan Baru	: <input type="text"/>
<input type="button" value="Kembali"/> <input type="button" value="Kemaskini"/>	

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK01/01	MUKA SURAT : 4/5	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

2.9 Skrin seperti berikut akan dipaparkan selepas maklumat berjaya dikemaskini.

Kata Laluan Anda Telah Berjaya Dikemaskini

[Kumpulan Wang Kerajaan](#) » [Modul Permulaan](#) » [Profil Pengguna](#) » Tukar Kata Laluan

**Tukar Kata Laluan**

Kata Laluan :

Kata Laluan Baru :

Pengesahan Kata Laluan Baru :

2.10 Klik butang **Kembali** untuk kembali ke paparan profil pengguna.

2.11 Kemaskini maklumat (jika ada) dan klik butang **Kemaskini**.

**Profil Pengguna**

Nama : AISYA HUMAIRAH

No.Kad Pengenalan : 851103055158 \* Format : 780629085436

Bahagian : BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN (500000)

JPN : WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPA1001)

PPD : -

Sekolah : SK BEBULOH (WBA1001)

## **ARAHAN KERJA**

<b>TAJUK : PROSES DAFTAR MASUK SISTEM SERTA KEMASKINI MAKLUMAT PENGGUNA DAN KATA LALUAN</b>		
<b>RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK01/01</b>	<b>MUKA SURAT : 5/5</b>	
<b>KELUARAN:</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>TARIKH UBAHSUAI TERKINI:</b>

### **3.0 NOTA PENTING**

- 3.1 Jika pengguna terlupa ID Pengguna atau Kata Laluan, hubungi Pentadbir Sistem untuk mendapatkan kata laluan.**
- 3.2 Maklumat pengguna hanya boleh dikemaskini sekiranya terdapat kesilapan dalam ejaan nama dan nombor kad pengenalan sahaja.**
- 3.3 Pertukaran nama pengguna adalah tidak dibenarkan.**

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT SEKOLAH		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK02/01	MUKA SURAT : 1/2	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk mengemaskini maklumat sekolah dan tahun mula guna sistem.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul **Maklumat Sekolah**. Kemaskini alamat sekolah, nombor telefon, nombor faks dan emel (jika ada).

2.3 Pilih tahun mula guna sistem dan kemudian klik butang **Simpan**.

The image shows a screenshot of a web form titled 'Maklumat Sekolah'. The form contains several fields with pre-filled or selected values:

- Kod Sekolah: XBA3308
- Nama Sekolah: SK LIHAK-LIHAK
- Alamat Sekolah: WDT 46,
- JPN: SABAH (XPA4001)
- PPD: PPDK SEMPORNA (X031)
- No Telefon: (empty field)
- No Faks: (empty field)
- Emel: (empty field)
- Tahun mula guna SPKWS: Sila Pilih (dropdown menu)

At the bottom of the form is a button labeled 'Simpan'.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT SEKOLAH		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK02/01	MUKA SURAT : 2/2	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 3.0 NOTA PENTING

- 3.1 **Pengurus Sekolah hendaklah melakukan Pengesahan setelah Maklumat Sekolah dikemaskini.**

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK SEKOLAH		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK03/01	MUKA SURAT : 1/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN


Arahan ini bertujuan untuk mengemaskini maklumat sekolah dan tahun mula guna sistem.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul Maklumat Akaun Bank Sekolah dan klik butang **Tambah** untuk mengisi maklumat yang diperlukan.





## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK SEKOLAH		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK03/01	MUKA SURAT : 2/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

**2.3** Masukkan maklumat yang berkaitan dengan akaun bank untuk setiap kumpulan wang dalam paparan berikut kemudian klik butang **Simpan**.



Medan	Keterangan
1	Tarikh pembukaan akaun bank
2	Pilih nama bank yang berkaitan
3	Cawangan bank yang berkaitan
4	Nombor akaun bank.

**2.4** Skrin seperti berikut akan dipaparkan apabila maklumat berjaya ditambah.

Maklumat Akaun Bank berjaya ditambah				
Kumpulan Wang Kerajaan » Modul Permulaan » Maklumat Akaun Sekolah				
Maklumat Akaun Bank Sekolah				
Tarikh Pembukaan	Nama Bank	Cawangan	No Akaun	Tindakan
15/02/2010	CIMB BANK BERHAD	ALOR SETAR	235665328998	

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MENGEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK SEKOLAH		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK03/01	MUKA SURAT : 3/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.5 Klik butang  jika maklumat hendak dikemaskini atau klik butang  jika hendak menutup akaun bank. Senarai akaun yang telah ditutup akan dipaparkan seperti di bawah.

Senarai Akaun Bank yang telah ditutup			
Tarikh Pembukaan	Nama Bank	Cawangan	No Akaun
13/01/2009	MALAYAN BANKING	KUBANG PASU	594358897714

### 3.0 NOTA PENTING

- 3.1 Jika pertukaran akaun bank berlaku pada awal bulan, sila pastikan Penyesuaian Bank untuk bulan sebelumnya perlulah dibuat terlebih dahulu sebelum menutup akaun bank yang lama.

## ARAHAN KERJA


TAJUK : PROSES MEMILIH/KEMASKINI PERIHAL		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK04/01	MUKA SURAT : 1/2	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:


### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk memilih/mengemaskini perihal berdasarkan peruntukan yang diterima oleh sekolah.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul **Pilih Perihal**. Klik pada butang  dan tandakan  pada semua perihal bagi kumpulan wang yang berkaitan. Seterusnya klik butang **Simpan**.





## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES MEMILIH/KEMASKINI PERIHAL		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK04/01	MUKA SURAT : 2/2	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

**2.3** Seterusnya mesej **Perihal bagi Kumpulan Wang SUWA berjaya disimpan** akan dipaparkan.

### 3.0 NOTA PENTING

- 3.1** Jika ingin membuat pengemaskinian senarai perihal, klik butang  dan  di peruntukan yang memerlukan subsidiari.
- 3.2** Pengguna perlu berhati-hati semasa memilih perihal terutama yang mempunyai subsidiari. Pastikan perihal yang dipilih adalah tepat.
- 3.3** Pengguna dibenarkan mengemaskini perihal dari semasa ke semasa.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT BAKI		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK05/01	MUKA SURAT : 1/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk mengunci masuk maklumat baki buku tunai berdasarkan baki terakhir sebelum pelaksanaan sistem.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul **maklumat baki** dan masukkan maklumat baki bagi setiap perihal kumpulan wang yang berkaitan. Seterusnya klik butang **Simpan**.

The screenshot shows a form titled 'Maklumat Baki Pada 31 Disember untuk Kumpulan Wang Kerajaan' with the date '31/12/2012'. The form contains a table with columns 'Jenis Terimaan' and 'Amaun Peruntukan (RM)'. The data is as follows:

Jenis Terimaan	Amaun Peruntukan (RM)
Kumpulan Wang Kerajaan	
Bantuan Perkapita Mata Pelajaran	
Teras	
Subjek Asas Teras	
Sains	RM 403.42
Matematik	RM 964.84
Bahasa Inggeris	RM 29.85
Sivik dan Kewarganegaraan	RM 57.29
Lain-lain Mata pelajaran	RM
Bahasa Melayu	RM 479.82
Pendidikan Moral	RM 85.49
Kajian Tempatan	RM 283.49
Pra Sekolah	RM
Pendidikan Khas Integrasi	
Bantuan Persekolahan Lain	
YKS - Yuran Khas Sekolah	RM
BSS - Bantuan Sukan Sekolah	RM
j-QAF	RM
Jumlah Keseluruhan (RM):	2304.2

Buttons: Kembali, Simpan

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT BAKI		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK05/01	MUKA SURAT : 2/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

**2.3** Selepas maklumat berjaya disimpan, paparan berikut akan dipaparkan.

Maklumat Baki berjaya dimasukkan

Kumpulan Wang Kerajaan > Modul Permulaan > Maklumat Baki > Papar Maklumat Baki

Maklumat Baki untuk Kumpulan Wang Kerajaan

Tarikh : 31/12/2012

Bil	Jenis Terimaan	Amaun Peruntukan (RM)
1.	Sains	403.42
2.	Matematik	964.84
3.	Bahasa Inggeris	29.85
4.	Sivik dan Kewarganegaraan	57.29
5.	Bahasa Melayu	479.82
6.	Pendidikan Moral	85.49
7.	Kajian Tempatan	283.49
Jumlah Keseluruhan (RM):		2,304.20

**2.4** Untuk membuat pengemaskinian data, klik butang **Kemaskini** dan skrin berikut akan dipaparkan.

Kemaskini Maklumat Baki untuk Kumpulan Wang Kerajaan

Bil	Jenis Terimaan	Amaun Peruntukan (RM)
1.	Kumpulan Wang Kerajaan	
2.	Bantuan Perkapita Mata Pelajaran	
3.	Teras	
4.	Subjek Asas Teras	
5.	Sains	RM 403.42
6.	Matematik	RM 964.84
7.	Bahasa Inggeris	RM 29.85
8.	Sivik dan Kewarganegaraan	RM 57.29
9.	Lain-lain Mata pelajaran	RM
10.	Bahasa Melayu	RM 479.82
11.	Pendidikan Moral	RM 85.49
12.	Kajian Tempatan	RM 283.49
13.	Pra Sekolah	RM
14.	Pendidikan Khas Integrasi	
15.	Bantuan Persekolahan Lain	
16.	YKS - Yuran Khas Sekolah	RM 683.7
17.	BSS - Bantuan Sukan Sekolah	RM
18.	j-QAF	RM
Jumlah Keseluruhan (RM):		RM 2967.9

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT BAKI		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK05/01	MUKA SURAT : 3/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

**2.5** Klik butang **Simpan** setelah membuat pengemaskinian data. Skrin dan mesej berikut akan dipaparkan.

**Maklumat Baki berjaya dikemaskini, Sila kemaskini Kunci Kira-kira jika perlu**

[Kumpulan Wang Kerajaan](#) » [Modul Permulaan](#) » [Maklumat Baki](#) » [Papar Maklumat Baki](#)

Maklumat Baki untuk Kumpulan Wang Kerajaan

Tarikh : 31/12/2012

Bil	Jenis Terimaan	Amaun Peruntukan (RM)
1.	Sains	403.42
2.	Matematik	984.84
3.	Bahasa Inggeris	29.85
4.	Sivik dan Kewarganegaraan	57.29
5.	Bahasa Melayu	479.82
6.	Pendidikan Moral	85.49
7.	Kajian Tempatan	283.49
8.	YKS - Yuran Khas Sekolah	683.70
Jumlah Keseluruhan (RM):		2,987.90

### 3.0 NOTA PENTING

**3.1** **Pengurus Sekolah** hendaklah melakukan **Pengesahan** setelah **Maklumat Baki** disimpan.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENERIMAAN & PEMBAYARAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK06/01	MUKA SURAT : 1/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk mengunci masuk maklumat Penyata Penerimaan & Pembayaran berdasarkan penyata yang disediakan sebelum pelaksanaan eSPKWS.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul **maklumat penyata penerimaan & pembayaran** dan skrin seperti berikut dipaparkan.




The screenshot shows a table titled 'Senarai Maklumat Penyata Penerimaan Dan Pembayaran' with the following structure:

Kumpulan Wang	Maklumat Penerimaan		Maklumat Pembayaran	
	Tambah Baru	Kemaskini/ Pengesahan	Tambah Baru	Kemaskini/ Pengesahan
Kumpulan Wang Kerajaan				



## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENERIMAAN & PEMBAYARAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK062/01	MUKA SURAT : 2/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.3** Klik butang  untuk menambah maklumat baru. Lengkapkan maklumat penerimaan dan pembayaran seperti di paparan berikut dan seterusnya klik butang **Simpan**.

**Maklumat Penyata Penerimaan Pada 31 Disember untuk Kumpulan Wang Kerajaan**

Tarikh : 31/12/2012

BAKI WANG DI BANK PADA 1 JANUARI RM

Bil	Jenis Terimaan	Amaun Peruntukan (RM)
1.	Kumpulan Wang Kerajaan	
2.	Bantuan Perkapita Mata Pelajaran	
3.	Teras	
4.	Subjek Asas Teras	
5.	Sains	RM 403.42
6.	Matematik	RM 964.84
7.	Bahasa Inggeris	RM 29.85
8.	Sivik dan Kewarganegaraan	RM 57.29
9.	Lain-lain Mata pelajaran	RM
10.	Bahasa Melayu	RM 479.82
11.	Pendidikan Moral	RM 85.49
12.	Kajian Tempatan	RM 283.49
13.	Sejarah	RM 700
14.	Geografi	RM 530
15.	Pra Sekolah	RM
16.	Pendidikan Khas Integrasi	
17.	Bantuan Persekolahan Lain	
18.	YKS - Yuran Khas Sekolah	RM
19.	BSS - Bantuan Sukan Sekolah	RM
20.	j-QAF	RM


Jumlah Keseluruhan Penerimaan(RM):

- 2.4** Selepas klik butang simpan, mesej akan dipaparkan.

**Penerimaan berjaya ditambah**

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENERIMAAN & PEMBAYARAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK06/01	MUKA SURAT : 3/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

2.5 Klik butang  pada skrin seperti dalam perkara 2.2 AK06/01 untuk membuat sebarang pengemaskinian data.

2.6 Buat pengemaskinian data yang diperlukan dan klik butang **Simpan**.

2.7 Selepas klik butang simpan, mesej **Maklumat Penerimaan berjaya dikemaskini** akan dipaparkan.

### 3.0 NOTA PENTING

3.1 **Pengurus Sekolah hendaklah melakukan Pengesahan setelah Penyata Penerimaan dan Pembayaran disimpan.**

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK07/01	MUKA SURAT : 1/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk mengunci masuk maklumat Penyata Pendapatan & Perbelanjaan berdasarkan penyata yang disediakan sebelum pelaksanaan eSPKWS.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:




2.2 Klik submodul **maklumat penyata pendapatan & perbelanjaan** dan skrin seperti berikut dipaparkan.

The image shows a screenshot of a software screen titled 'Senarai Maklumat Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan'. The screen displays a table with the following structure:

Kumpulan Wang	Maklumat Pendapatan		Maklumat Perbelanjaan	
	Tambah Baru	Kemaskini / Pengesahan	Tambah Baru	Kemaskini / Pengesahan
Kumpulan Wang Kerajaan				

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK07/01	MUKA SURAT : 2/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.3 Klik butang  untuk menambah maklumat baru. Lengkapkan maklumat pendapatan dan perbelanjaan seperti dalam paparan berikut dan kemudian klik butang **Simpan**.

Maklumat Penyata Pendapatan Pada 31 Disember untuk Kumpulan Wang Kerajaan


Tarikh : 31/12/2012

Jenis Pendapatan	Amaun Peruntukan (RM)
Kumpulan Wang Kerajaan	
Bantuan Perkapita Mata Pelajaran	
Teras	
Subjek Asas Teras	
Sains	RM 403.42
Matematik	RM 964.84
Bahasa Inggeris	RM 29.85
Sivik dan Kewarganegaraan	RM 57.29
Lain-lain Mata pelajaran	RM
Bahasa Melayu	RM 479.82
Pendidikan Moral	RM 85.49
Kajian Tempatan	RM 283.49
Sejarah	RM 700
Geografi	RM 530
Pra Sekolah	RM
Pendidikan Khas Integrasi	
Bantuan Persekolahan Lain	
YKS - Yuran Khas Sekolah	RM
BSS - Bantuan Sukan Sekolah	RM
j-QAF	RM
Jumlah Keseluruhan (RM):	3534.2

- 2.4 Mesej **Pendapatan berjaya ditambah** akan dipaparkan.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK07/01	MUKA SURAT : 3/3	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

- 2.5 Klik butang  pada skrin seperti dalam perkara 2.2 AK07/01 untuk membuat sebarang pengemaskinian data.
- 2.6 Kemaskini data yang diperlukan dan klik butang **Simpan**.
- 2.7 Selepas klik butang simpan, mesej **Maklumat Pendapatan berjaya dikemaskini** akan dipaparkan.

### 3.0 NOTA PENTING

- 3.1 **Pengurus Sekolah hendaklah melakukan Pengesahan setelah Penyata Pendapatan & Perbelanjaan disimpan.**

## ARAHAN KERJA


TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 1/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk mengunci masuk maklumat Kunci Kira-kira berdasarkan penyata yang disediakan sebelum pelaksanaan eSPKWS.

### 2.0 TINDAKAN

2.1 Klik **Modul Permulaan** dan sub modul di bawah akan dipaparkan:



2.2 Klik submodul **maklumat kunci kira-kira** dan skrin seperti berikut akan dipaparkan.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 2/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

**Kumpulan Wang Kerajaan**  
Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2012

<b>ASET</b>		<b>RM</b>
Baki Wang Di Dalam Bank	3534.20	1
Akaun Belum Terima	0.00	2
Wang Dalam Tangan	0.00	3
Deposit Dibayar	0.00	4
<b>JUMLAH ASET</b>	3534.20	
Tolak :		
<b>LIABILITI</b>		
Akaun Belum Bayar	0.00	5
Deposit Diterima	0.00	6
Terimaan Terdahulu	0.00	7
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	0.00	
<b>ASET/(LIABILITI)BERSIH</b>	3534.20	
Dibayar Oleh :		
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL</b>		
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	8
Pelarasan	0.00	9
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	3534.20	10
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	3534.20	

\*\*\* Amaun negatif sila guna simbol "- ", contoh: -100.00. Jangan letak tanda comma ",", contoh: 2,000.00


Medan	Keterangan
1	Amaun baki wang di bank seperti baki seperti 31 Disember di Penyata Penerimaan & Pembayaran serta baki akhir buku tunai
2	Rujuk para 2.3 AK08/01
3	Nilai apungan PWR yang diluluskan mengikut kumpulan wang
4	Rujuk para 2.4 AK08/01
5	Rujuk para 2.5 AK08/01
6	Rujuk para 2.6 AK08/01


## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 3/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

Medan	Keterangan
7	Rujuk para 2.7 AK08/01
8	Baki awal Kumpulan Wang Terkumpul bagi tahun sebelum pelaksanaan eSPKWS
9	Amaun pelarasan audit (jika ada)
10	Amaun lebihan/kurangan seperti di Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

### 2.3 Kunci masuk maklumat **Akaun Belum Terima** (jika ada).

2.3.1 Klik butang . Skrin seperti berikut akan dipaparkan dan masukkan maklumat yang berkaitan dan kemudian klik butang **Simpan**.



The screenshot shows a web form titled "Tambah ABT Kumpulan Wang Kerajaan". The form contains the following fields and callouts:

- Tahun:** 31/12/2012 (Callout 1)
- Nama Pembayar:** (Empty text box, Callout 2)
- Perihal:** Sila Pilih (Dropdown menu, Callout 3)
- Amaun:** (Empty text box, Callout 4)
- No KP:** (Empty text box, Callout 5)
- Alamat:** (Empty text box, Callout 5)
- Negeri:** Sila Pilih Negeri... (Dropdown menu, Callout 5)
- Daerah:** Sila Pilih Daerah... (Dropdown menu, Callout 5)
- Poskod:** (Empty text box, Callout 5)
- No Telefon:** (Empty text box, Callout 5)

At the bottom of the form are two buttons: "Kembali" and "Simpan".




## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 4/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

Medan	Keterangan
1	Tahun kewangan Penyata Kunci Kira-kira tersebut
2	Nama penghutang
3	Peruntukan yang dikenakan untuk diakaunkan.
4	Amaun ABT
5	Maklumat nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon penghutang (jika ada).

2.3.2 Senarai ABT yang telah disimpan akan dipaparkan seperti skrin dibawah.


Senarai ABT Kumpulan Wang Kerajaan							
Bil	Tarikh	Pembayar	No.Pendaftaran Syarikat / No KP	Perihal	Amaun (RM)	Negeri	Tindakan
1	31/12/2012	SEO JI SEOB	30058-S	Sains	250.00	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	 


2.3.3 Klik butang  untuk membatalkan senarai ABT sekiranya terdapat kesilapan.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 5/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 2.4 Kunci masuk maklumat Deposit Dibayar (jika ada)

2.4.1 Klik butang . Skrin seperti berikut akan dipaparkan dan masukkan maklumat yang berkaitan dan kemudian klik butang **Simpan**.



1. Tarikh Baucar: 31/12/2012 (1)

2. No Baucar: (2)

3. Pembekal/Penerima: (3)

4. Jenis Bayaran (4) Amaun Peruntukan (RM)

Jenis Bayaran	Amaun Peruntukan (RM)
Kumpulan Wang Kerajaan	
Bantuan Perkapita Mata Pelajaran	
Teras	
Subjek Asas Teras	
Sains	RM <input type="text"/>
Matematik	RM <input type="text"/>
Bahasa Inggeris	RM <input type="text"/>
Sivik dan Kewarganegaraan	RM <input type="text"/>
Lain-lain Mata pelajaran	RM <input type="text"/>
Bahasa Melayu	RM <input type="text"/>
Pendidikan Moral	RM <input type="text"/>
Kajian Tempatan	RM <input type="text"/>
Sejarah	RM <input type="text"/>
Geografi	RM <input type="text"/>
Pra Sekolah	RM <input type="text"/>
Pendidikan Khas Integrasi	
Bantuan Persekolahan Lain	
YKS - Yuran Khas Sekolah	RM <input type="text"/>
BSS - Bantuan Sukan Sekolah	RM <input type="text"/>
j-QAF	RM <input type="text"/>

5. Tarikh Cek: 31/12/2012 (1)

6. No. Cek: | (2)

7. Jumlah Amaun: RM (5)

Kembali Kemaskini


## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 6/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

Medan	Keterangan
1	Tarikh Baucar dan cek bagi bayaran deposit (jika ada). Sekiranya tiada maklumat, pengguna boleh memilih tarikh 31 Disember tahun sebelum pelaksanaan eSPKWS
2	Nombor baucar dan cek untuk bayaran deposit (jika ada). Sekiranya tiada maklumat, pengguna boleh menggunakan nombor rujukan sendiri.
3	Penerima bayaran deposit. Cth: TNB, Telekom
4	Peruntukan yang dikenakan untuk diakaunkan.
5	Jumlah bayaran deposit.

2.4.2 Senarai Deposit Dibayar yang telah disimpan akan dipaparkan seperti skrin dibawah.


Senarai Maklumat Deposit Dibayar Kumpulan Wang Kerajaan							
Bil	Tarikh Baucar	No.Baucar	Penerima	Tarikh Cek	No Cek	Jumlah Amaun (RM)	Tindakan
1	31/12/2012	K0059/12	LMN&CO	31/12/2012	CIMB300581	120.00	

2.4.3 Klik butang  untuk membatalkan senarai Deposit Dibayar sekiranya terdapat kesilapan.

## ARAHAN KERJA

TAJUK : PROSES KUNCI MASUK MAKLUMAT KUNCI KIRA-KIRA		
RUJUKAN DOKUMEN: eSPKWS – AK08/01	MUKA SURAT : 7/12	
KELUARAN:	PINDAAN	TARIKH UBAHSUAI TERKINI:

### 2.5 Kunci masuk maklumat Akaun Belum Bayar (jika ada)

2.5.1 Klik butang  dan skrin seperti berikut akan dipaparkan. Kunci masuk maklumat yang berkaitan dan kemudian klik butang **Simpan**.



